14 Julai 2021
*14 July 2021*
P.U. (A) 304

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

# PERINTAH WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA (PEMERLUASAN DAN PENGUBAHSUAIAN AKTA HOTEL (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2003) 2021

# *FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA (EXTENSION AND MODIFICATION OF THE HOTELS (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) ACT 2003) ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/
*PUBLISHED BY*
JABATAN PEGUAM NEGARA/
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PERLEMBAGAAN (PINDAAN) 2001

PERINTAH WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA (PEMERLUASAN DAN PENGUBAHSUAIAN AKTA HOTEL (WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR) 2003) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 Akta Perlembagaan (Pindaan) 2001 [*Akta A1095*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

**Nama**

1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Pemerluasan dan Pengubahsuaian Akta Hotel (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2003) 2021**.

**Pemerluasan Akta dan perundangan subsidiari ke Wilayah Persekutuan Putrajaya**

2. (1) Akta Hotel (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2003 [*Akta 626*], yang disebut "Akta yang diperluas" dalam Perintah ini, diperluas ke Wilayah Persekutuan Putrajaya.

(2) Perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta yang diperluas sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua diperluas ke Wilayah Persekutuan Putrajaya.

**Pengubahsuaian Akta yang diperluas dan perundangan subsidiari**

3. (1) Akta yang diperluas diubah suai mengikut cara yang dinyatakan dalam Jadual Pertama.

(2) Perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta yang diperluas diubah suai mengikut cara yang dinyatakan dalam Jadual Kedua.

(3) Perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta yang diperluas hendaklah dibaca bersama-sama dengan perubahan yang berkenaan dengan nama atau nama jawatan sebagaimana yang perlu untuk menyelaraskan perundangan subsidiari itu dengan peruntukan Akta yang diperluas sebagaimana yang diubah suai.

JADUAL PERTAMA
[Subperenggan 3(1)]

| (1) Peruntukan Akta Hotel (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2003 | | (2) Pengubahsuaian |
|---|---|---|
| Kesemuanya (kecuali jika diperuntukkan selainnya dengan nyata kemudian daripada ini) | ... | 1. Sebutan mengenai "Datuk Bandar" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Presiden";<br><br>2. Sebutan mengenai "kumpulan wang" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Kumpulan Wang"; dan<br><br>3. Sebutan mengenai "Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Wilayah Persekutuan Putrajaya". |
| Seksyen 2 | ... | 1. Potong takrif "Datuk Bandar";<br><br>2. Masukkan selepas takrif "hotel berlesen" takrif yang berikut:<br><br>' "Kumpulan Wang" mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Perbadanan Putrajaya 1995 [*Akta 536*];'; dan<br><br>3. Masukkan selepas takrif "penghuni" takrif yang berikut:<br><br>' "Presiden" mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 2 Akta Perbadanan Putrajaya 1995;'. |
| Seksyen 18 | ... | Potong subseksyen 18(3) dan (4). |

| (1) Peruntukan Akta Hotel (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2003 | | (2) Pengubahsuaian |
|---|---|---|
| Subseksyen 32(4) | ... | Potong perkataan "yang diwujudkan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan kerajaan tempatan". |
| Seksyen 33 | ... | Potong perkataan "yang diwujudkan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan kerajaan tempatan". |
| Seksyen 36 | ... | Potong seksyen ini. |
| Seksyen 37 | ... | Potong seksyen ini. |

JADUAL KEDUA
[Subperenggan 3(2)]

| (1) Peruntukan Peraturan-Peraturan Hotel (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) (Pengkompaunan Kesalahan) 2013 [*P.U. (A) 283/2013*] | | (2) Pengubahsuaian |
|---|---|---|
| Kesemuanya (kecuali jika diperuntukkan selainnya dengan nyata kemudian daripada ini) | ... | 1. Sebutan mengenai "Datuk Bandar" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Presiden";<br>2. Sebutan mengenai "Datuk Bandar Kuala Lumpur" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Presiden Perbadanan Putrajaya"; dan<br>3. Sebutan mengenai "Datuk Bandar Kuala Lumpur, Peti Surat 11022, Kuala Lumpur" hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai "Presiden Perbadanan Putrajaya, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya". |

| (1)<br>Peruntukan Peraturan-Peraturan Hotel (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) (Pengkompaunan Kesalahan) 2013<br>[*P.U. (A) 283/2013*] | | (2)<br>Pengubahsuaian |
|---|---|---|
| Ayat mengundang-undangkan | ... | Masukkan selepas perkataan "Akta Hotel (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2003 [*Akta 626*]" perkataan "sebagaimana yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Pemerluasan dan Pengubahsuaian Akta Hotel (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2003) 2021 [*P.U. (A) 304/2021*]". |
| Peraturan 6 | ... | Potong peraturan ini. |
| Jadual | ... | 1. Dalam Borang 1, masukkan selepas perkataan "Akta Hotel (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2003 [*Akta 626*]" perkataan "sebagaimana yang diperluas dan diubah suai oleh Perintah Wilayah Persekutuan Putrajaya (Pemerluasan dan Pengubahsuaian Akta Hotel (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 2003) 2021 [*P.U. (A) 304/2021*]"; dan<br><br>2. Dalam Borang 2, gantikan perkataan "Dewan Bandaraya Kuala Lumpur" dengan perkataan "Perbadanan Putrajaya". |

Dibuat 8 Julai 2021
[KWP(S):24/PUU/694(A)1/3/9 Jld.(2); PN(PU2)611]

Dengan Titah Perintah

DATUK SERI MOHD ZUKI BIN ALI
*Setiausaha Jemaah Menteri*

CONSTITUTION (AMENDMENT) ACT 2001

FEDERAL TERRITORY OF PUTRAJAYA (EXTENSION AND MODIFICATION OF THE HOTELS (FEDERAL TERRITORY OF KUALA LUMPUR) ACT 2003) ORDER 2021

IN exercise of the powers conferred by section 7 of the Constitution (Amendment) Act 2001 [*Act A1095*], the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

**Citation**

1. This order may be cited as the **Federal Territory of Putrajaya (Extension and Modification of the Hotels (Federal Territory of Kuala Lumpur) Act 2003) Order 2021**.

**Extension of Act and subsidiary legislation to the Federal Territory of Putrajaya**

2. (1) The Hotels (Federal Territory of Kuala Lumpur) Act 2003 [*Act 626*], which is referred to as the "extended Act" in this Order, is extended to the Federal Territory of Putrajaya.

(2) The subsidiary legislation made under the extended Act as set out in the Second Schedule is extended to the Federal Territory of Putrajaya.

**Modification of extended Act and subsidiary legislation**

3. (1) The extended Act is modified in the manner as set out in the First Schedule.

(2) The subsidiary legislation made under the extended Act is modified in the manner as set out in the Second Schedule.

(3) The subsidiary legislation made under the extended Act shall be read together with such corresponding alterations as to names or titles as may be necessary to bring the subsidiary legislation into accord with the provisions of the extended Act as so modified.

FIRST SCHEDULE
[Subparagraph 3(1)]

| (1) Provisions of the Hotels (Federal Territory of Kuala Lumpur) Act 2003 | | (2) Modifications |
|---|---|---|
| The whole (except where it is expressly otherwise provided hereinafter) | ... | 1. References to "Commissioner" shall be construed as references to "President";<br>2. References to "fund" shall be construed as references to "Fund"; and<br>3. References to "Federal Territory of Kuala Lumpur" shall be construed as references to "Federal Territory of Putrajaya". |
| Section 2 | ... | 1. Delete the definition of "Commissioner";<br>2. Insert after the definition of "licensed hotel" the following definition:<br>' "Fund" has the meaning assigned to it under section 2 of the Perbadanan Putrajaya Act 1995 [*Act 536*];'; and<br>3. Insert after the definition of "occupier" the following definition:<br>' "President" has the meaning assigned to it under section 2 of the Perbadanan Putrajaya Act 1995;'. |
| Section 18 | ... | Delete subsections 18(3) and (4). |
| Subsection 32(4) | ... | Delete the words "constituted under any law relating to local government". |
| Section 33 | ... | Delete the words "constituted under any law relating to local government". |
| Section 36 | ... | Delete this section. |
| Section 37 | ... | Delete this section. |

SECOND SCHEDULE
[Subparagraph 3(2)]

| (1) Provisions of the Hotels (Federal Territory of Kuala Lumpur) (Compounding of Offences) Regulations 2013 [*P.U. (A) 283/2013*] | | (2) Modifications |
|---|---|---|
| The whole (except where it is expressly otherwise provided hereinafter) | ... | 1. References to "Commissioner" shall be construed as references to "President";<br><br>2. References to "Commissioner of the City of Kuala Lumpur" shall be construed as references to "President of the Perbadanan Putrajaya"; and<br><br>3. References to "Commissioner of the City of Kuala Lumpur, P.O. Box 11022, Kuala Lumpur" shall be construed as references to "President of the Perbadanan Putrajaya, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya". |
| Enacting clause | ... | Insert after the words "Hotels (Federal Territory of Kuala Lumpur) Act 2003 [*Act 626*]" the words "as extended and modified by the Federal Territory of Putrajaya (Extension and Modification of the Hotels (Federal Territory of Kuala Lumpur) Act 2003) Order 2021 [*P.U. (A) 304/2021*]". |
| Regulation 6 | ... | Delete this regulation. |
| Schedule | ... | 1. In Form 1, insert after the words "Hotels (Federal Territory of Kuala Lumpur) Act 2003 [*Act 626*]" the words "as extended and modified by the Federal Territory of Putrajaya (Extension and Modification of the Hotels (Federal Territory of Kuala Lumpur) Act 2003) Order 2021 [*P.U. (A) 304/2021*]"; and |

| (1)<br>Provisions of the Hotels (Federal Territory of Kuala Lumpur) (Compounding of Offences) Regulations 2013<br>[*P.U. (A) 283/2013*] | (2)<br>Modifications |
| --- | --- |
| | 2. In Form 2, substitute for the words "City Hall of Kuala Lumpur" the words "Perbadanan Putrajaya". |

Made 8 July 2021
[KWP(S):24/PUU/694(A)1/3/9 Jld.(2); PN(PU2)611]

By Command

DATUK SERI MOHD ZUKI BIN ALI
*Secretary to the Cabinet*